

07/11/2003

All IT pusat komputer terbesar

KUALA LUMPUR: All IT Hypermarket, cawangan runcit komputer pertama negara dengan keluasan 9,124 meter persegi, berjaya dicatatkan sebagai cawangan runcit komputer pertama dan terbesar di negara ini dalam The Malaysia Book of Records (MBR).

Kedai komputer berkonsepkan pasar raya hiper yang menawarkan pelbagai kemudahan berkomputer itu mendapat pengiktirafan pada 11 September lalu.

Pegawai MBR, Syazwan Zakariah, berkata cawangan itu diberi pengiktirafan berdasarkan saiz keluasan kedai terbabit kerana belum kedai komputer yang mempunyai keluasan seperti itu.

"Kita lihat banyak kedai komputer tetapi belum ada kedai komputer berkonsepkan pasar raya hiper," katanya pada majlis perasmian cawangan itu di Plaza Low Yat Jalan Bukit Bintang, di sini.

Beliau berkata rekod berkenaan akan diterbitkan tahun depan dalam 'Edisi Emas' di bawah kategori perniagaan yang diterbitkan khas bagi menghargai jasa Tun Dr Mahathir Mohamed sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun.

Pengerusi All IT Hypermarket Sdn Bhd, Khong Chook Chong, berkata memang menjadi impiannya mewujudkan kedai peralatan komputer sepusat yang menyediakan semua perkhidmatan untuk kemudahan pengguna dan peminat teknologi maklumat (IT).

"Kami mempunyai semua jenis produk komputer yang boleh didapatkan dengan harga berpatutan.

"Pengguna harus mengambil peluang barang yang dipromosikan selama tiga hari ini," katanya.

Beliau berkata, harga di All IT berpatutan mengikut kemampuan setiap lapisan masyarakat.

Katanya, syarikat itu juga menyediakan skim mudah bayar selaras dengan saranan kerajaan supaya diwujudkan budaya satu keluarga satu komputer.

All IT mempunyai pelbagai produk IT antaranya komputer riba, peralatan komputer, rangkaian perisian, pencetak, pengimbas dan banyak lagi.